AmBank Group

# KENYATAAN MEDIA

6 November 2023

## AMMB Holdings Berhad lantik Jamie Ling sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan



AMMB Holdings Berhad dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan Ling Fou-Tsong @ Jamie Ling sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif AmBank (M) Berhad, menggantikan Dato' Sulaiman Mohd Tahir berkuat kuasa pada 23 November 2023.

Seorang akauntan bertauliah, Jamie, warganegara Malaysia berumur 55 tahun, mempunyai pengalaman serta rekod prestasi perkhidmatan yang terbukti. Jamie mula berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan sejak dari 2017, di mana beliau menguruskan spektrum penuh kewangan Kumpulan AmBank, menyelia strategi dan pelaksanaan kewangan Kumpulan.

Pengalaman komersil serta kewangan Jamie yang mendalam merangkumi peranan penting yang dipegang dalam perbendaharaan, kewangan, pengurusan risiko dan jualan bersama institusi perbankan antarabangsa. Portfolio kerjayanya yang komprehensif merentasi perbankan korporat, pelaburan dan peruncitan, perbendaharaan, pengurusan risiko dan pengurusan kewangan.

## KENYATAAN MEDIA

Sepanjang 17 tahun, Jamie telah memegang peranan kepimpinan di Malaysia, United Kingdom dan Asia Timur Laut. Jamie merupakan Ketua Pegawai Kewangan Serantau Standard Chartered Bank untuk Greater China dan Asia Timur Laut, meliputi Hong Kong, Taiwan, China, Korea Selatan dan Jepun. Jamie juga merupakan ahli lembaga Standard Chartered (Hong Kong) Limited dan Hong Kong Note Printing Limited.

Ahli Lembaga Pengarah percaya bahawa dengan berbekalkan pengalaman luas Jamie dalam industri perbankan ditambah dengan kemahiran kepimpinan dan visinya yang kukuh, akan menguatkan lagi kedudukan AmBank dalam industri sekaligus melonjakkan prestasi Bank ke tahap yang lebih tinggi.

***About AmBank Group***

*AmBank Group is a leading financial services group with over 40 years of expertise in supporting the economic development of Malaysia. We have over three million customers and employ over 8,000 people.*

*The Group was listed on the Main Market of Bursa Malaysia in 1988. It is the sixth-largest banking group by assets in Malaysia, with a market capitalisation of more than RM12 billion as at 31 March 2023.*

*AmBank Group serves over three million individual and corporate customers. It provides services in wholesale banking, retail banking, business banking, investment banking and related financial services which include Islamic banking, underwriting of general insurance, life insurance, family takaful, stock and share broking, futures broking, investment advisory and asset management services in unit trusts and real estate investment trusts.*

*For more information, please visit www.ambankgroup.com*

---

*For further information, please contact Ridzuan Zulkifli, Senior Vice President, Group Corporate Communications and Marketing, AmBank Group at ridzuan.zulkifli@ambankgroup.com and the Media Relations team at media.relations@ambankgroup.com*

---